

09/01/2004

Bertudung simbol kebebasan beragama

Hilwah Izwah Husain

LARANGAN pemakaian tudung yang dikuatkuasakan ke atas umat Islam minoriti di beberapa negara Eropah sejak akhir-akhir ini tidak harus dipandang ringan dan tidak syak lagi ia adalah satu lagi tanggapan negatif terhadap ajaran Islam. Apa yang pasti adalah ia berpunca daripada salah faham terhadap Islam.

Bahkan, pengharaman tudung bagi umat Islam berserta kopian Yahudi, salib Kristian dan serban Sikh di Perancis contohnya turut menggambarkan penolakan beberapa negara maju terhadap fahaman dan amalan beragama yang sepatutnya bersikap tolerans dan terbuka.

Mereka sebaliknya mengamalkan sikap tertutup dan mengenakan paksaan kepada penganut pelbagai agama melalui penguatkuasaan undang-undang yang jelas lebih bermotifkan politik.

Ini terbukti apabila tindakan Perancis ini telah pula mendapat sokongan padu beberapa negara, antaranya Jerman dan negara yang menobatkan diri mereka sebagai 'pejuang kebebasan beragama' Amerika Syarikat.

Dalam satu kenyataan, Duta Kebebasan Agama Antarabangsa dari Jabatan Negara Amerika Syarikat, John Hanford menegaskan bahawa larangan bertudung ke atas umat Islam harus dilaksanakan dengan syarat tidak mengetepikan hak kebebasan beragama.

Kenyataan beliau ini sebenarnya mengelirukan sebagaimana kelirunya Amerika Syarikat yang melabel Malaysia sebagai sebuah negara yang tidak mempraktikkan kebebasan beragama.

Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) berpandangan senario global berupa ketakutan terhadap kehidupan beragama, khususnya Islamophobia, sangat terkait dengan anutan fahaman sekularisme yang berakar dalam tamadun Barat.

Perancis dan Jerman sememangnya diketahui antara pusat kebangkitan revolusi menentang penguasaan gereja dan agama sewaktu zaman pertengahan dulu. Di samping faham sekularisme yang begitu menebal, bangsa mereka juga sememangnya amat dikenali dengan sikap tinggi diri, diskriminasi perkauman selain memberikan layanan yang buruk kepada agama lain yang dibuktikan melalui fakta sejarah.

Keadaan pula bertambah buruk selepas pengeboman WTC pada 11 September 2001 apabila sensitiviti dan syak wasangka dalam hubungan antara agama mulai meruncing di seluruh dunia.

Namun apa yang dikesalkan ialah ketidakadilan sikap Barat seolah-olah memejamkan mata terhadap diskriminasi yang dilakukan oleh mereka tetapi cepat pula melabel negara yang tidak bersekongkol dengan dasar berat sebelah mereka.

Contoh yang jelas ialah kenyataan Amerika Syarikat baru-baru ini yang dengan sewenangnyanya-wenangnyanya menuding Malaysia sebagai sebuah negara yang tidak mengamalkan kebebasan beragama berasaskan kayu ukur ciptaan mereka sendiri.

Melihat kepada amalan demokrasi dan kebebasan beragama di Malaysia pula, kita seharusnya menghargai perpaduan dan keharmonian melalui persefahaman antara agama yang sekian lama terjalin.

Tambahan pula, hak-hak dan kebebasan beragama dan mengamalkan ritual agama telah termaktub dan dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan. Ini juga sejajar dengan tuntutan 'Deklarasi PBB Berkenaan Hak-Hak Asasi Manusia 1948' dan Konvensyen Antarabangsa Berkenaan Hak-Hak Sivill dan Politik.

Setiap bangsa dan agama di Malaysia seharusnya menghargai peluang

mengamalkan agama masing-masing. Isu-isu sensitif yang dibangkitkan oleh pihak-pihak luar melalui kenyataan dan laporan yang tidak mengambil kira senario dalaman negara perlulah dielakkan kerana ia mampu mengganggu gugat keharmonian yang dikecapi. Dialog-dialog antara agama haruslah diwacanakan kembali secara sihat, telus dan bertolak ansur.

Dalam konteks Malaysia sebagai negara Islam pula, tidak timbul isu larangan bertudung bagi wanita Muslim bahkan ia amat digalakkan dan diterima baik oleh masyarakat.

Ini jelas berbeza dengan keadaan di negara Islam yang masih lagi sekular pegangannya seperti krisis bertudung yang dilihat berpanjangan di Turki. Rakyat sekali lagi kecoh baru-baru ini apabila berlaku pemuluan yang besar oleh ahli politik Islam terhadap sambutan ulang tahun ke-80 negara itu lantaran larangan memakai tudung yang dikenakan terhadap isteri dan ahli keluarga pemimpin Islam.

Kesedaran Islam sebagai cara hidup yang sempurna yang digerakkan pada tahun 1970-an antaranya oleh gerakan mahasiswa telah memartabatkan pemakaian bertudung sebagai salah satu tuntutan agama kepada setiap wanita Muslim.

Justeru, PKPIM ingin menyeru agar kempen kesedaran bertudung dan berpakaian sopan haruslah digerakkan kembali agar kesedaran untuk menghargai kebebasan yang tidak dinikmati oleh umat Islam di Perancis, Turki contohnya sentiasa dihargai.

Bagaimanapun, seruan ini harus juga disertai dengan kesedaran yang tinggi di kalangan mereka yang sedia bertudung untuk memelihara imej dan maruah wanita Muslim dengan tidak menjerat diri dalam gejala sumbang, maksiat atau merokok yang dilihat semakin membimbangkan.

Bertudung menuntut pengawasan rohaniah yang murni oleh pemakainya sebagaimana ia indah melitupi aurat wanita secara jasmaniah.

Dalam konteks yang sama, Malaysia sebagai sebuah negara Islam harus meneruskan sikap keterbukaan terhadap etika berpakaian oleh penganut agama lain.

PKPIM berpandangan pemaksaan melalui undang-undang yang disusuli oleh hukuman agak keras terhadap penganut bukan beragama Islam yang dikategorikan berpakaian seksi baru-baru ini haruslah dipertimbangkan semula secara rasional.

PKPIM yakin langkah memberikan pendidikan dan kesedaran yang berterusan disamping kempen-kempen yang berterusan adalah lebih baik daripada mengambil pendekatan menghukum.

Dengan mengambil pendekatan seperti dialog dan perbincangan secara sihat, usaha murni ke arah mencapai matlamat mengurangkan jenayah seks terhadap wanita dapat dijayakan melalui pendekatan yang lebih bertolak ansur.

Biarkanlah matlamat yang baik dilaksanakan dengan cara yang baik juga. Ini dapat mengelakkan salah faham dan reaksi negatif oleh penganut bukan Islam di dalam mahupun luar negara lantas meletakkan pelbagai tohmah yang negatif terhadap Islam sebagai agama rasmi negara ini.

PKPIM yakin semua bangsa dan agama di dunia ini mahukan keadilan, toleransi dan keterbukaan dalam beragama tetapi pada masa yang sama mahukan prinsip dan dasar setiap agama tidak diganggu gugat. Justeru Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang dipandang tinggi semangat toleransi perkauman dan keagamaannya harus mempamerkan model terbaik kepada negara lain dalam konteks kebebasan beragama.

PKPIM menyambut baik tindakan tegas Perdana Menteri Malaysia yang menyatakan bantahan rasmi kita terhadap Amerika Syarikat berhubung dakwaan bahawa Malaysia tidak mengamalkan kebebasan beragama.

Di samping tindakan itu, PKPIM ingin menggesa Malaysia sebagai Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) untuk bertindak menyuarakan pandangan

dan tindakan yang sewajarnya dalam isu bertudung yang berlaku di negara Islam kerana dunia sememangnya menanti pandangan Malaysia.

Dengan semangat toleransi dalam konteks dalaman negara serta daya diplomasi yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa, Malaysia sewajarnya memainkan peranan untuk memberikan `nasihat'nya kepada negara yang melakukan apa-apa bentuk diskriminasi atau penindasan terhadap umat Islam.

Ketegasan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dalam menyuarakan pandangan alternatif oleh negara Islam berkaitan nasib umat Islam di pentas antarabangsa pasti akan diteruskan di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

- PENULIS adalah ahli Majlis Hal Ehwat Wanita Islam (HEWI) Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM).